Warga UMS bersama bersihkan kampus

B/HARIAN 25/10/18

Kota Kinabalu: Kira-kira 1,000 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan program Gotong-Royong Perdana 2018 yang berlangsung di sekitar kampus UMS, di sini baru-baru ini.

Bertemakan 'Plogging: Pengalaman Kampus Hijau', ialah inisiatif bersama Pusat Pengurusan EcoCampus dan Pejabat Canselori UMS.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan Pusat Pengurusan EcoCampus, acara yang bermula kira-kira jam 2.30 petang itu dibahagikan kepada tiga zon pembersihan yang sudah ditetapkan mengikut jabatan, fakulti, institut dan bahagian UMS.

Program itu dianjurkan bagi meningkatkan keprihatinan dan komitmen keseluruhan warga UMS dan pemegang taruh terhadap kelestarian, kebersihan dan keselesaan kampus.

Selain itu, program itu diharap dapat memupuk gaya hidup sihat, cergas dan ceria dalam kalangan warga UMS, sekali gus mengekalkan persekitaran kampus UMS yang lestari, bersih, selesa, selamat, sihat serta ceria untuk semua.

Pada masa sama, program itu juga bagi mengeratkan lagi ikatan silaturahim sesama warga UMS daripada pelbagai latar belakang dan peringkat perjawatan.

Majlis perasmian program gotong-royong itu disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof Dr Rasid Mail.

Kutip sampah

Pada program itu, Zon 3 diumum sebagai penerima pengiktirafan bagi Sebutan Khas Naib Canselor UMS.

Zon 3 terdiri daripada kawasan Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Sumber Alam, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, SUKSIS, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan, Pusat Rawatan Warga, Pusat Sukan, PALAPES, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Pusat Pengajian Pascasiswazah, Bahagian Perkhidmatan Akademik dan Kolej Kediaman Excellent.

Zon itu dipilih selepas mendapat penilaian tertinggi berdasarkan jumlah kutipan sampah sarap, etika gotong-royong dan indeks keceriaan gotong-royong.

Yang turut menjayakan program itu Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus, Kueh Boon Hee dan Ketua Pejabat Canselori UMS, Stella @ Nurul Martini Gontol.

Plogging ialah trend terbaharu seantero dunia yang menyaksikan pencinta alam menggabungkan larian dengan tindakan mengutip sampah sepanjang laluan.

Perkataan plogging adalah gabungan perkataan jogging (lari-lari anak) dan *plocka upp* yang bermaksud mengutip dalam bahasa Sweden.

Prof Dr Rasid (dua dari kanan) *turut bersama-sama menjayakan Plogging Gotong Royong Perdana UMS.*